

# Fadillah sedia bantu PM penjelas isu kepada GPS, GRS

BERITA HARIAN

13 JUL 2025

m/s: 2

**Kuching:** Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menyatakan kesediaannya untuk membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan penjelasan berhubung isu semasa kepada menteri, timbalan menteri dan Ahli Parlimen daripada Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS).

Fadillah berkata, isu semasa yang mahu diperjelaskan Perdana Menteri lebih tertumpu kepada isu di Semenanjung kerana dianggap lebih kritikal.

Berikutan itu katanya, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan semua anggota Kabinet serta Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) di Semenanjung bagi menjelaskan isu terbabit.

"Bagi GPS dan GRS, tidak timbul sebarang masalah kerana kebanyakan isu sudah pun dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri dan difahami barisan kepimpinan dari Sarawak dan Sabah.

"Tambahan pula jumlah kita tidak besar, jadi saya sendiri boleh berinteraksi secara langsung dengan wakil dua gabungan itu kerana saya pun tahu isu apa yang akan dibincangkan," katanya ketika ditemui selepas melawat peserta Kursus AI for MY Future Kawasan Parlimen Petra

Jaya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perjumpaan Anwar dengan beberapa menteri dan Ahli Parlimen daripada BN, di Putrajaya, malam kelmarin serta perjumpaan dengan Ahli Parlimen PH, esok.

Fadillah berkata, jika Anwar mahu mengadakan perjumpaan dengan wakil GPS dan GRS, pihaknya tidak menghadapi masalah untuk menghadirinya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata pertemuan Perdana Menteri bersama Ahli Parlimen BN malam kelmarin, membincangkan perkembangan isu semasa dan dasar kerajaan yang juga rutin biasa semua parti dalam Kerajaan Perpaduan.

"Pertemuan ini sering diadakan bagi membincangkan perkembangan semasa dengan taklimat disampaikan Perdana Menteri malam tadi (kelmarin). Ia sering diadakan dengan parti komponen dalam Kerajaan Perpaduan dan diadakan secara berkala.

"Saya tidak boleh jelaskan terperinci perbincangan malam tadi (kelmarin), namun tiada isu khusus dibincangkan, sebaliknya ia berkait dasar dan isu semasa," katanya selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Jeli, di sini semalam.